

Cerita  
**ALKITAB**  
dalam  
**16** ayat

CHRISTOPHER R. BRUNO

## **Cerita Alkitab Dalam 16 Ayat**

Penulis : Christopher R. Bruno  
Penterjemah : Jacqueline Jose & Rachel Chee Min Huey  
Penyunting : Randy Singkee  
Kulit buku : Chiang Juat Chin

Cetakan Pertama: Julai 2016

Petikan Alkitab diambil dari:  
Alkitab Versi Borneo © 2016, LAB Network

*The Whole Story of the Bible in 16 Verses*  
Hakcipta © 2015 Christopher R. Bruno

Edisi Asli diterbitkan oleh:  
Crossway, satu pelayanan penerbitan Good News Publishers  
Wheaton, Illinois 60187, U.S.A.

Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan oleh:  
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.  
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya  
46787 Petaling Jaya, Selangor  
[wawasan.penabur@gmail.com](mailto:wawasan.penabur@gmail.com)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Dilihamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

# **Daftar Isi**

Kata Pengantar	3
Bahagian 1	
<b>Masanya Akan Tiba</b>	5
1 Penciptaan (Kejadian 1:31)	7
2 Manusia (Kejadian 1:27–28)	15
3 Kejatuhan (Kejadian 3:6–7)	23
4 Penembusan Yang Dijanjikan (Kejadian 3:15)	33
5 Abraham (Kejadian 12:2–3)	41
6 Yehuda Sang Raja (Kejadian 49:10)	51
7 Anak Domba Paskah (Keluaran 12:23)	59
8 Raja Daud (2 Samuel 7:12–13)	67
9 Hamba Yang Menderita (Yesaya 53:6)	77
10 Kebangkitan Yang Dijanjikan (Yehezkiel 37:3–5)	85
11 Penciptaan Baru (Yesaya 65:17)	93

<b>Bahagian 2</b>	
<b>Masanya Telah Tiba</b>	<b>101</b>
12 Penggenapan! (Markus 1:14–15)	103
13 Kayu Salib (Yohanes 19:30)	113
14 Kebangkitan (Roma 1:3–4)	123
15 Perbenaran (Roma 3:21–26)	133
16 Kemuliaan (Wahyu 21:1–4)	143
Ke Mana Kita akan Pergi dari Sini?	153
Nota	155

# **Bahagian 1**

# **Masanya Akan Tiba**





Maka Allah melihat segala yang Dia jadikan itu,  
dan kesemuanya sungguh baik.

**Kejadian 1:31**

Pandangan kita tentang dunia ini bermula dengan pandangan kita terhadap Allah. Cara kita berfikir tentang Allah membentuk cara kita berfikir tentang semua perkara yang lain, serta cara kita bertindak dan memberi respons terhadap setiap keadaan. Oleh kerana itu, kita harus menguruskan anggapan kita terhadap Allah dengan sejelas-jelasnya pada permulaan perjalanan kita. Dalam erti kata lain, apabila kita bersiap sedia untuk menceritakan kisah Alkitab, kita perlu bermula dengan Allah. Dia adalah Pengarang Alkitab dan wira bagi setiap cerita yang terdapat di dalamnya, jadi kita tidak dapat menyampaikan cerita Alkitab tanpa bermula dengan-Nya.

Untuk melakukan ini, kita akan bermula dengan ayat terakhir bab pertama dalam Alkitab yang berbunyi:

Maka Allah melihat segala yang telah Dia jadikan itu, dan kesemuanya sungguh baik. Malam muncul lagi dan disusuli pagi, dan itulah hari yang keenam. (Kejadian 1:31)



Pada pandangan pertama, Kejadian 1 tidak memberikan kita banyak maklumat tentang Allah. Sebaliknya ia kelihatan seolah-olah kita mempunyai hanya kisah penciptaan, dengan kewujudan Allah yang lebih kurang boleh dianggap benar. Tetapi apabila kita baca tentang kisah minggu penciptaan dalam bab pertama Alkitab, kuasa Allah adalah cukup menakjubkan. Allah berfirman, dan perkara-perkara berlaku. Jikalau anda pernah berada dalam satu bilik dengan seorang Ketua Pegawai Eksekutif, senator, atau mungkin juga Perdana Menteri, anda akan melihat apa yang berlaku apabila seorang yang berkuasa bercakap. Perkara-perkara berlaku, dan mereka berlaku dengan cepat. Dengan Allah, kita dapat melihat prinsip yang sama berlaku – tetapi dengan kadar kecepatan satu juta kali ganda.

Jika anda tidak mengetahui banyak tentang kisah penciptaan, izinkan saya meringkaskannya: Allah telah menjadikan segala-galanya, dan semua yang dijadikan-Nya itu adalah baik. Kita tidak perlu lagi mendalami perbincangan untuk memahami tujuan tersebut. Pada mulanya tiada apa-apa pun, dan Allah telah menjadikan segala-galanya hanya dengan berfirman. Dia berfirman, dan penciptaan mematuhinya. Ia patuh kepada perintah Allah dengan mewujudkan diri, dengan melahirkan setiap makhluk hidup, dan akhirnya dengan menyerahkan diri kepada kuasa berdaulat Allah. Penekanan di seluruh bab ini, terutamanya dalam ayat 31, adalah begitu mudah di mana Allah hanya berfirman untuk membentuk dan mencipta dunia ini, dan keharmonian yang wujud di antara Sang Pencipta dengan segala ciptaan-Nya.

Jadi pada awal-awal lagi, kita bertemu dengan Allah yang mampu mencipta segala-galanya yang wujud dengan usaha yang seolah-olah tidak lebih daripada usaha saya atau anda untuk mengikat tali kasut kita. Kita bertemu dengan Allah yang kuasa kreatif dan kewibawaan-Nya meluas meliputi setiap bahagian alam semesta ini.

Apabila Dia telah selesai menciptakan segala-galanya, Allah melihat segala ciptaan-Nya dan semuanya itu adalah “sangat baik”. Perhatikan bahawa Allah sendirilah yang mengumumkan

kesimpulan tersebut. Segenap alam semesta telah diwujudkan kerana Dia telah berfirman, dan Dialah satu-satunya yang layak untuk menilai kerja-kerja kreatif penciptaan-Nya. Kita tidak nampak malaikat-malaikat datang bersama-sama Allah bagi memberi maklum balas yang menggalakkan itu. (Sebenarnya, kita juga tidak tahu bila dan bagaimana Allah mencipta malaikat-malaikat, walaupun kita agak pasti bahawa dengan segera mereka pun mula memuji-muji-Nya). Tidak, fokus dari awal-awal lagi adalah pada Allah, ciptaan-Nya, dan pemerintahan-Nya atas segala ciptaan itu.

Apabila kita meletakkan bersama kuasa Allah untuk mencipta dengan kewibawaan-Nya untuk menilai hasil penciptaan-Nya, kita mendapati bahawa Allah merupakan Pemerintah berdaulat untuk alam semesta ini. Dalam erti kata lain, Allah adalah Raja yang mempunyai hak, kuasa, dan kewenangan untuk memerintah segala ciptaan-Nya itu. Dan dekri rasmi Raja ke atas kerajaan-Nya ialah bahawa ia adalah “sangat baik”.

Bukankah ini agak mengejutkan apabila kita berhenti dan berfikir tentangnya? Jika kita melihat dunia di sekeliling kita sekarang ataupun membaca dan mendengar berita terkini, dunia ini tidak kelihatan seperti “sangat baik” seperti yang difirmankan oleh Allah. Semuanya sedang merosot. Manusia berlawan sesama mereka, dan tiada sesiapa yang tahu bagaimana untuk membaiki apa-apa pun. Jadi bagaimana pula Allah boleh berkata sedemikian?

Anda tidak perlu menjadi seorang sarjana Bahasa Ibrani untuk memahami maksud frasa ini dalam konteksnya. Pertama, kita dapat melihat bahawa pengisytiharan Allah digunakan untuk segala-gala yang telah diciptakan oleh-Nya. Hal ini bukan seolah-olah hanya satu bahagian daripada ciptaan-Nya adalah baik, sebahagian yang lain cuma boleh tahan, dan sebahagian lagi adalah tidak memuaskan. Tidak, pada mulanya, setiap bahagian penciptaan itu adalah baik.

Kedua, bukan sahaja penciptaan itu baik, tetapi ia adalah sangat baik. Kita tidak bercakap tentang hasil kerja yang biasa-biasa



sahaja. Saya tidak tahu tentang anda, tetapi setiap kali saya cuba untuk membuat sesuatu dengan tangan saya, saya tidak dapat melakukannya dengan baik. Saya masih ingat lagi bagaimana saya cuba memasang sebuah model Corvette (sejenis kereta lumba) ketika di sekolah menengah. Gambar pada kotak model itu menunjukkan sebuah kereta lumba yang bergaya dan berkilat – nampak lebih baik daripada benda yang sebenarnya. Tetapi apabila saya menyusun model itu bersama-sama, glu itu berlekatan menjadi satu dan hasil cat itu seolah-olah telah dibuat oleh seorang budak yang berumur empat tahun. Ia bukan seperti semua yang dimaksudkan dari awal!

Bahkan usaha kreatif kita yang terbaik juga kekurangan sesuatu. Ramai pemuzik (di mana saya bukan seorang pemuzik) menganggap bahawa Simfoni Kelima Ludwig van Beethoven merupakan salah satu skor musik yang terbaik dan terpenting dalam sejarah. Tetapi selepas persembahan perdananya, tidak ramai orang yang memberi perhatian kepadanya. Orkestra tersebut hanya mempunyai masa untuk berlatih memainkan skor itu sekali sahaja sebelum persembahan tersebut diadakan, dan pada satu ketika para pemuziknya gagal dengan bermain begitu teruk sekali sehingga Beethoven menghentikan muzik dan membuat mereka bermula sekali lagi. Tidak ramai orang yang menyatakan bahawa simfoni tersebut “sangat baik” selepas persembahan perdananya. Tetapi apabila Allah mengisyiharkan bahawa ciptaan-Nya adalah “sangat baik”, Dia bermaksud bahawa semua itu adalah seperti yang dikehendaki oleh-Nya.

Ini tidak hanya bermaksud bahawa ia adalah indah dan mengagumkan, walaupun kita boleh yakin bahawa ia sememangnya begitu (dan selalunya masih lagi begitu). Apabila Allah bersabda bahawa penciptaan tersebut adalah “sangat baik”, Dia mengisyiharkan bahawa penciptaan-Nya sedang melakukan apa yang Dia mahu ia lakukan. Pokok-pokok tumbuh di mana yang sepatutnya, ikan-ikan berenang dengan cara yang betul, dan manusia berinteraksi dan berhubung antara satu sama lain. Penciptaan dan Pencipta mereka semua seperti yang dikehendaki oleh-Nya (kita akan kembali kepada perkara ini

dalam bab yang seterusnya). Pendek kata, kerajaan Allah adalah dalam harmoni yang sempurna dengan Rajanya.

Walaupun anda mungkin mengetahui bahawa tidak lama kemudian kita akan melihat harmoni sempurna ini dipecahkan, ia adalah jelas bahawa ciptaan Allah masih mencerminkan kuasa-Nya yang hebat. Fikirkan tentang tempat-tempat terindah yang pernah anda lawati. Bagi saya, tempat ini mungkin ialah pantai Na Pali di Pulau Kauai, Hawaii. Cuba bayangkan sepanjang enam belas batu dari tebing hijau yang menjulang tinggi, dihiasi air terjun di mana ada beberapa daripadanya setinggi empat ribu kaki di atas paras laut. Apabila anda duduk di dalam sebuah bot kecil dan memandang atas ke gunung-ganang tersebut, anda berasa sangat kecil. Tetapi anda juga melihat bahawa ciptaan Allah masih boleh menjadi sangat baik. Mungkin bagi anda ia adalah keluasan sebuah ngarai, pandangan dari puncak sebuah gunung, keajaiban sebuah padang selepas kejadian ribut salji di pagi hari, atau pun mana-mana satu daripada ribuan aspek alam semula jadi. Kita jarang melihat ini apabila kita menjenguk ke luar tingkap kita untuk melihat longkang yang dipenuhi sampah atau sungai lesu yang berlumpur, tetapi Allah telah menciptakan dunia ini untuk menjadi “yang sangat baik”.

Dalam Mazmur 104, kita dapat melihat bahawa bumi, langit, lautan serta semua yang terkandung di dalam mereka, terus mencerminkan kuasa kreatif dan kewibawaan hebat Allah. Dan ayat 27 menyimpulkan bahawa “Semuanya menantikan-Mu.” Walaupun dengan semua yang telah berlaku, kerajaan Allah masih menantikan-Nya dan bergantung kepada-Nya, sebagaimana dari mula-mulanya.

Sebelum kita mengakhiri pokok pertama dalam penjelajahan rimba ini, adalah penting bahawa kita mahukan kebaikan yang berterusan dari ciptaan Allah. Dalam 1 Timotius 4:4, Paulus mengingati kita bahawa “setiap ciptaan Allah itu baik.” Dia tidak berkata bahawa kebanyakan ciptaan Allah adalah baik. Dia juga tidak berkata bahawa semua ciptaan Allah adalah baik pada masa dulu. Tidak, Paulus menegaskan bahawa seluruh ciptaan Allah adalah masih baik sampai sekarang.



Saya boleh faham mengapa sebahagian orang asyik memperkecilkan “dunia fizikal” dan berharap untuk melarikan diri ke “dunia rohani” semata-mata. Lagipun, ia tidak sukar untuk mencari masalah dalam dunia hari ini! Tetapi jika kita mendakwa bahawa kita mempunyai pandangan alkitabiah yang benar tentang ciptaan Allah, maka kita mesti terus-menerus menegaskan bahawa hasil penciptaan Allah adalah baik dan Dia mempunyai tujuan-Nya untuk itu.

Sebaliknya, kita juga tidak boleh lupa bahawa dunia ini bukanlah suatu pengakhiran dengan sendirinya. Kita tidak boleh berkata tentang ciptaan selain daripada Allah yang telah menjadikannya – dan bukan sahaja yang telah menciptakannya, tetapi juga mempunyai kewibawaan ke atasnya dan yang memegangnya dengan kuasa berdaulat-Nya. Jadi jika kita sedang mencari kebaikan peraturan yang telah dicipta (seperti mana yang kita percayai) sebagai nilai yang termulia dalam alam semesta ini, maka kita masih belum melihat keseluruhan gambar itu. Sebaliknya, kita perlu mengesahkan bahawa kebaikan bergantung kepada Allah, Sang Pencipta dan Raja bagi segala ciptaan.

Kejadian 1:31 memberikan kita satu tetingkap untuk cerita penciptaan, tetapi itu bukanlah keseluruhan cerita. Walaupun Allah ialah Raja bagi segala ciptaan-Nya, Dia tidak mahu memerintahnya sendirian. Tetapi untuk mengetahui cerita selanjutnya, kita harus bergerak ke pokok yang seterusnya.



## Berhenti Sejenak...



### Ayat Hafalan

Maka Allah melihat segala yang Dia jadikan itu, dan kesemuanya sungguh baik. Malam muncul lagi dan disusuli pagi, dan itulah hari yang keenam. (Kejadian 1:31)



### Tema Kunci Teologi Alkitabiah

Penciptaan  
Kerajaan



### Cerita Setakat Ini...

Allah menciptakan sebuah kerajaan, dan Dialah Rajanya.



### Soalan Perbincangan

- 1) “Pandangan kita tentang dunia ini bermula dengan pandangan kita terhadap Allah.” (m/s 7) Bagaimanakah kecenderungan anda untuk melihat Allah? Apakah dua atau tiga perkataan yang anda akan gunakan untuk menerangkan tentang Allah?



- 2) Adakah pandangan anda terhadap Allah berbeza daripada huraian dalam Bab 1 ini? Jika ya, mengapa anda berfikir ini berlaku? Apa pengaruh luar yang mempengaruhi pandangan anda tentang Allah?
  
  
  
  
  
  
  
  
  
- 3) Adakah anda cenderung untuk memikirkan ciptaan Tuhan sebagai “sangat baik”? Mengapa atau mengapa tidak?
  
  
  
  
  
  
  
  
  
- 4) Mengapa ada orang (sama ada Kristian atau bukan Kristian) cenderung untuk memikirkan rohani adalah baik sementara fizikal adalah tidak baik? Apakah implikasi daripada pemikiran seperti ini kepada prioriti dan tingkah laku kita?



### Bacaan Alkitab

#### *Mazmur 104*

Bagaimanakah mazmur ini membantu anda untuk memahami tema teologi alkitabiah dari bab ini dan cerita besar Alkitab, yang mencapai puncaknya dengan Yesus?

#### *Kejadian 1:1—2:3*

Apakah kunci pendapat dari petikan ini yang menambahkan pemahaman anda tentang cerita dan tema-tema teologi alkitabiah?



Maka Allah menciptakan manusia menurut gambaran dan rupa-Nya. Menurut gambaran Allah, Dia mencipta mereka, lelaki dan perempuan.

**Kejadian 1:27-28**

John Calvin, seorang ahli teologi yang terkenal pada abad ke-16 telah menulis bahawa hampir semua kebijaksanaan kita terdiri daripada pengetahuan tentang Allah dan pengetahuan tentang diri sendiri. Dalam bab pertama, kita telah mempelajari sesuatu tentang Allah dalam ciptaan dan pemerintahan-Nya di dunia. Ketika kita melangkah ke hentian kedua dalam pembelajaran kita melalui Alkitab, kita akan dapat mengenali sebahagian kebenaran yang perlu kita ketahui tentang diri kita. Jadi sebelum kita meninggalkan minggu penciptaan Allah, kita perlu berhenti sejenak untuk melihat keterangan penting tentang ciptaan Allah dan perintah-Nya kepada umat manusia:

Maka Allah menciptakan manusia menurut gambaran dan rupa-Nya. Menurut gambaran Allah, Dia mencipta mereka, lelaki dan perempuan. Allah memberkati mereka, lalu Allah berfirman kepada mereka: "Beranakcuculah dan bertambah banyak serta



penuhilah dan takluki bumi, berkewenangan atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala makhluk hidup yang berkeliaran dan yang bergerak di muka bumi.” (Kejadian 1:27-28)

Meskipun Allah mempunyai kuasa daulat dan hak mutlak untuk memerintah segala ciptaan-Nya, Dia tetap memilih untuk tidak melakukannya sendiri. Sebaliknya, Dia menciptakan Adam dan Hawa sebagai kemuncak penciptaan. Walaupun ramai orang Kristian yang tidak bersetuju tentang tafsiran terbaik Kejadian 1-2, ia sukar untuk mengelakkan kesimpulan bahawa Allah telah menciptakan Adam dan Hawa demi suatu peranan yang spesifik: sebagai pembawa imej-Nya, atau sebagai wakil-Nya dalam penciptaan.

Apabila kita mempertimbangkan apa yang dimaksudkan oleh dicipta menurut imej dan rupa Allah, ia tidak mengambil masa yang lama untuk menjadi keliru dan tersesat dalam perbincangan teologi. Para sarjana telah membahaskan makna ayat-ayat tersebut selama beberapa abad, jadi kita tidak mampu (dan tidak perlu) membongkarkan semua hujah-hujah tersebut di sini. Tetapi kita perlu mempertimbangkan beberapa kunci pilihan yang utama.

Ada orang yang berpendapat bahawa imej Allah mempunyai kaitan terutamanya dengan kemampuan kita untuk menggunakan akal dan intelek. Yang lain pula mendakwa bahawa imej Allah adalah berkaitan dengan kemampuan kita untuk menghubungkan diri dengan Allah dan sesama. Ada yang percaya bahawa ia berkaitan dengan tugas dan perintah yang Allah berikan kepada Adam dan Hawa. Tetapi ada kemungkinan besar bahawa imej Allah berkait rapat dengan kedua-dua ciri-ciri dan kecenderungan hubungan yang kita kongsi dengan-Nya.

Dalam dunia purba, imej suatu dewa pagan akan diletakkan di dalam sebuah kuil untuk mewakili dewa tersebut. Walaupun amalan tersebut tiada persamaan selari dengan idea imej Allah, namun kita boleh mengatakan bahawa kita juga merupakan wakil Allah di atas bumi ini. Ini tidak bermaksud bahawa kita perlu berjalan ke sana sini untuk menyembah satu sama lain, ataupun

meletakkan buah-buah oren seperti yang kita lihat di depan patung-patung Buddha yang terdapat di restoran Cina. Sebaliknya, ia bermaksud bahawa kita mampu menunaikan tugas dan perintah yang telah diberikan oleh-Nya kepada kita. Jadi, sebagai ciptaan Allah yang telah dicipta menurut imej dan rupa-Nya, ia bermakna bahawa Adam dan Hawa mempunyai kemampuan untuk membuat apa-apa yang telah diperintahkan oleh Allah.

Selain daripada itu, perhatikan bahawa kedua-dua Adam dan Hawa telah dicipta menurut imej dan rupa Allah. Sangat penting untuk kita melihat bahawa perkataan yang diterjemahkan kepada "manusia" dalam ayat 27 itu adalah digunakan untuk kedua-dua lelaki dan perempuan. Dan sekiranya kita tersalah faham, Allah memperjelaskan bahawa kedua-dua lelaki dan perempuan adalah termasuk dalam kumpulan yang telah dicipta menurut gambaran dan rupa-Nya. Apabila kita teringat akan penindasan yang sering dikenakan terhadap kaum wanita pada zaman dulu, hakikat ini menjadi lebih penting. Ia sebenarnya bermaksud bahawa walaupun lelaki dan perempuan masing-masing mempunyai peranan spesifik yang telah dirancangkan oleh Allah untuk mereka, kita tidak boleh berkata bahawa hanya lelaki (atau hanya perempuan) yang boleh dikenali sebagai imej Allah. Kedua-dua lelaki dan perempuan telah dipanggil untuk memain peranan dalam penciptaan Allah yang baik ini.

Dalam teks kita, peranan ini mempunyai dua aspek yang penting. Pertama, Allah telah memanggil Adam dan Hawa untuk memenuhi dan menakluki bumi ini. Walaupun perintah ini jelas sekali merangkumi jangkaan bahawa Adam dan Hawa akan beranakcucu, ia sebenarnya mempunyai maksud yang lebih lanjut. Jika kita perhatikan dengan teliti kisah penciptaan dalam Kejadian 2, kita dapat menjumpai beberapa petunjuk yang menyatakan apa yang sebenarnya dimaksudkan bagi Adam dan Hawa untuk memenuhi dan menakluki bumi ini. Kejadian 2:8 memberitahu kita bahawa Allah telah membuatkan sebuah taman di sebelah timur Eden. Dan Allah telah memilih tempat tersebut sebagai tempat khusus bagi Dia bertemu dengan umat-Nya. Implikasinya adalah



memang terdapat banyak ruang di luar Taman Eden dan di seluruh dunia ini yang tidak didiami oleh Allah dan umat-Nya.

Bolehkan anda melihat apa yang dimaksudkan oleh perintah Allah ini? Apabila Adam dan Hawa dipanggil untuk menakluki bumi ini, mereka sebenarnya diperintahkan untuk memperluas taman tersebut. Tetapi ini bukanlah hanya satu bentuk pertaburan penduduk luar bandar pada zaman kuno. Sebaliknya, ia merupakan suatu perintah untuk memperluas kawasan di mana Allah sendiri akan mendiami. Dalam erti kata lain, ketika mereka mempunyai anak dan anak-anak mereka beranakcucu, mereka semua ditugaskan untuk memgembangkan kekuasaan di mana Allah akan diam bersama umat-Nya.

Ini adalah seolah-olah taman itu adalah sebuah tempat penyembahan di Eden, dan imej-imej Allah diperintahkan untuk mengembangkan taman-tempat penyembahan itu bagi memenuhi Eden, kemudian ke timur, dan akhirnya ke seluruh dunia. Apabila taman tersebut diperluaskan, maka tempat kediaman Allah dan umat-Nya juga akan diperluas secara perlahan-lahan dengannya.

Tetapi penekanan utama perintah tersebut, malah pada awal-awalnya lagi, bukanlah tentang tempat yang akan diperluas oleh mereka, tetapi lebih kepada tujuan bagi tempat itu. Allah telah mencipta lelaki dan perempuan sebagai pembawa imej-Nya. Sebagai pembawa imej-Nya, tugas mereka adalah untuk menjadikan kemuliaan dan rahmat-Nya diketahui. Oleh itu, apa yang kita lihat sebenarnya ialah Allah memberikan tugas kepada Adam dan Hawa untuk menjadi missionaris yang pertama.

Aspek lain bagi perintah tersebut ialah Adam dan Hawa “mempunyai kuasa” ke atas bumi ini, khususnya haiwan-haiwan. Sesetengah orang Kristian dan ramai orang bukan Kristian telah menyalahafsirkan aspek kedua perintah ini. Mereka membuat tuduhan bahawa ini merupakan lesen dan hak bagi manusia untuk memusnahkan alam sekitar, membakar bumi ini kemudian beralih ke kawasan tanah yang lain. Tetapi jika kita mengambil masa untuk berfikir tentang apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh ayat-ayat tersebut, adalah jelas sekali bahawa cara pentafsiran ini memang merupakan cara yang sesat.

Adalah sangat penting bagi kita untuk menghubung-kaitkan sebahagian daripada perintah ini dengan imej Allah. Hakikat dicipta menurut imej dan rupa Allah bermaksud Adam dan Hawa telah sepatutnya menjadi wakil-wakil-Nya di bumi ini. Dan kerana Dia ialah Raja yang berdaulat atas segala ciptaan-Nya, wakil-wakil-Nya akan memerintah bagi pihak-Nya. Jadi, bagi menjalankan kuasa kita ke atas bumi bukan bermaksud bahawa kita menggunakan dan menyalahgunakannya. Adakah ini cara kita berharap Allah, yang mengumumkan bahawa ciptaan-Nya itu “sangat baik”, memerintah dunia ini?

Perintah untuk mempunyai kuasa ini bermakna bahawa Adam dan Hawa akan memerintah haiwan dan seluruh bumi ini dalam cara yang Allah sendiri akan memerintah ke atas mereka. Mereka akan menjaga ciptaan-Nya yang lain, sebagai pengelola yang baik, dan untuk memuliakan Allah dengan cara mereka memerintah ke atas ciptaan-Nya.

Dalam era pasca penjajahan dan anti-imperialis kini, kita mempunyai pandangan yang kurang bersemangat daripada apa yang dimaksudkan dengan di bawah pemerintahan seorang raja yang baik dan bijaksana. Dengan penindasan oleh beberapa orang raja dan diktator pada abad yang lepas, kita dapat memahami ketidakpercayaan ini. Tetapi pada mulanya, ia bukanlah sedemikian. Allah ialah seorang Raja dan Pemerintah yang baik, dan Dia telah menciptakan Adam dan Hawa untuk meneruskan cara pemerintahan-Nya yang penuh dengan kasih sayang ke atas kerajaan penciptaan-Nya.

Sebenarnya, penciptaan Adam dan Hawa sebagai pembawa imej Allah memberikan kita gambaran yang baik bagi sepanjang minggu penciptaan itu. Dia telah menjadikan manusia pertama untuk mewakili-Nya dalam penciptaan-Nya yang sangat baik itu, untuk memperluas tempat kediaman di mana kemuliaan dan keagungan-Nya akan ditunjukkan, dan untuk memerintah tempat kediaman itu bagi pihak-Nya.

Ini juga bermakna bahawa Allah sedang membuat suatu perjanjian yang istimewa dengan umat-Nya apabila Dia menjadikan mereka.



Dia telah menjadikan Adam dan Hawa, memberikan mereka hidup, dan meletakkan mereka di dalam Taman Eden. Kemudian Dia memanggil mereka untuk melaksanakan tugas-tugas penting. Ramai ahli teologi yang menamakan hubungan istimewa ini sebagai suatu perjanjian. Kita akan mengupas idea ini dengan lebih lanjut kerana ia diungkapkan dalam sejarah penyelamatan dan penebusan, tetapi adalah penting untuk memperkenalkan konsep ini dari awal-awal lagi. Sejak hari pertama penciptaan, Allah telah komited kepada segala ciptaan-Nya dan mempunyai perjanjian kasih bagi umat manusia secara khusus.

Tetapi seperti yang kita lihat di sekeliling kita sekarang dan melihat sesuatu yang tidak kena dengan cara manusia berinteraksi dengan ciptaan Allah yang lain, kita terpaksa menyimpulkan bahawa di pertengahan jalan, seseorang telah melanggar perintah ini. Kesimpulan ini membawa kita ke topik seterusnya: kejatuhan.



## Berhenti Sejenak...



### Ayat Hafalan

Maka Allah menciptakan manusia menurut gambaran dan rupa-Nya. Menurut gambaran Allah, Dia mencipta mereka, lelaki dan perempuan. Allah memberkati mereka, lalu Allah berfirman kepada mereka: “Beranakcuculah dan bertambah banyak serta penuhilah dan takluki bumi, berkewenangan atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala makhluk hidup yang berkeliaran dan yang bergerak di muka bumi.” (Kejadian 1:27-28)



### Tema Kunci Teologi Alkitabiah

Penciptaan  
Kerajaan  
Perjanjian



### Cerita Setakat Ini...

Allah menciptakan sebuah kerajaan, dan Dialah Raja-Nya, tetapi Dia menjadikan manusia untuk mewakili-Nya dalam kerajaan itu.



### Soalan Perbincangan

- 1) John Calvin menulis bahawa hampir semua kebijaksanaan kita terdiri daripada pengetahuan Allah dan pengetahuan tentang diri sendiri. (m/s 15) Adakah pernyataan ini benar dalam pengalaman diri anda, dan dalam pembacaan Alkitab anda? Mengapa atau mengapa tidak?



- 2) Bagaimakah penekanan kepada “kedua-dua lelaki dan wanita dijadikan dalam imej Allah” berbeza dari satu dengan yang lain, atau pandangan terhadap perempuan dalam dunia purba? Bagaimana idea ini dapat membantu kita memahami peranan berdasarkan jantina pada hari ini dan zaman dulu?
  
  
  
  
  
  
  
  
  
- 3) Bagaimakah imej Allah telah disalahfahami dan disalahgunakan dalam dunia moden? Dalam cara bagaimakah anda gagal untuk mewakili Allah kepada dunia di sekeliling anda?
  
  
  
  
  
  
  
  
  
- 4) Apa implikasi kepada perintah “berkuasa ke atas bumi” pada hari ini?



### **Bacaan Alkitab**

#### *Mazmur 8*

Bagaimakah mazmur ini membantu anda untuk memahami tema teologi alkitabiah dari bab ini dan cerita besar Alkitab, yang mencapai puncaknya dengan Yesus?

#### *Kejadian 2:4-15*

Apakah kunci pendapat dari petikan ini yang menambahkan pemahaman anda tentang cerita dan tema-tema teologi alkitabiah?